

# Paras air 7 sungai berada pada keadaan normal

**Kuala Lumpur:** Paras air di tujuh sungai di Sarawak dipantau Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) setakat semalam, berada pada keadaan normal.

Ia merangkumi Sungai Batang Sado di Serian, Sungai Batang Salak (Kuching), Sungai Sarawak Kanan (Bau), Sungai Sarawak Kiri (Padawan), Sungai Sarawak (Kuching), Sungai Laut (Kuching) dan Sungai Batang Rajang (Sibu).

Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi JPS, Datuk Hanapi Mohamad Noor, berkata paras ketujuh-tujuh sungai berkenaan masih selamat,

iaitu antara dua hingga tiga meter di bawah paras bahaya.

"Paras bahaya adalah apabila sungai mula melimpahi tebing sehingga menyebabkan banjir, namun peningkatan sedemikian mengambil masa.

"Kami masih memantau paras sungai menggunakan alat pengesan yang menjana maklumat setiap hari bagi memudahkan pengurusan banjir dan keberkesanan penyampaian maklumat kepada pihak berkaitan," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Hanapi berkata, perangkaan JPS menunjukkan taburan hujan bulanan bagi Januari dan Februari lalu di Sarawak adalah pada kadar antara 320 hingga 500 milimeter (mm).

Sehubungan itu, katanya, langkah pencegahan banjir yang bersesuaian perlu dilaksanakan jika taburan hujan bagi tempoh sama tahun depan melebihi kadar 2015.

"Statistik hidrologi menunjukkan banjir luar biasa atau bah kuning yang melanda Terengga-

nu, Pahang dan Kelantan lazimnya tidak berlaku dua tahun berturut-turut," katanya.

## **Sarawak diramal mungkin berdepan kemarau**

Di **Kuching**, Pengarah Institut Kajian Bencana Asia Tenggara Universiti Kebangsaan Malaysia (SEADPRI-UKM), Prof Datuk Ibrahim Komoo, berkata ramalan cuaca semasa mendapati Sarawak mungkin berdepan kemarau dan bukan tengkujuh dalam tempoh akhir tahun ini hingga suku pertama tahun depan.

"Fenomena El Nino diramal melanda suku pertama tahun depan, membabitkan pemanasan Lautan Pasifik yang menyebabkan angin timur menghala ke Asia Tenggara lebih dominan berbanding angin monsun timur laut, sekali gus mengubah musim tengkujuh kepada kemarau.

"Kedudukan geografi Sarawak yang lebih terlindung daripada tiupan angin dari lautan luas menyebabkan iklim di negeri ini tidak begitu ekstrem sehingga boleh mengakibatkan banjir besar atau kemarau berpanjangan," ka-

tanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Bagaimanapun, Ibrahim tidak menolak kemungkinan berlaku banjir di Sarawak kerana iklim tropika sentiasa berubah dengan pantas membabitkan perubahan dalam tempoh tiga hingga tujuh hari.

Sementara itu, Pengarah Bomba dan Penyelamat Sarawak, Nor Hisham Mohammad, berkata pihaknya sudah bersedia menghadapi kemungkinan banjir di negeri itu.